



CHE MOHD NASIR YUSOFF

LATAR BELAKANG

Beliau mula didedahkan dengan Seni Tradisional Melayu sejak kecil lagi dan mendapatkan tunjuk ajar daripada tokoh-tokoh seni tanah air seperti Seniman Negara, arwah Pak Hamzah Awang Amat (Wayang Kulit Kelantan), arwah Pak Soh Tok Minduk (Main Teri), arwah Mahmud Tok Payung (Makyung), dan arwah Seman Wau Bulan (Dikir Barat).

Beliau turut pernah menjadi Pengarah Muzik bagi pementasan Teater Tradisional Makyung seperti *Dewa Muda*, *Raja Gondang Sindong*, *Anak Raja Bongsu Sakti*, *Raja Pencil* dan banyak lagi. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Muzik bagi persembahan Muzik Asli dan Wayang Kulit Kelantan di United Nation (UN), New York pada tahun 2006.

Beliau yang dikenali sebagai Pak Nasir pernah ditawarkan sebagai Pensyarah atau Tenaga Pengajar dalam bidang muzik di universiti seperti Universiti Malaya (UM) pada tahun 2002, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA pada tahun 2001 hingga tahun 2008, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sunway College sejak tahun 2006 hingga tahun 2008, serta Universiti New Era College pada tahun 2008.

Beliau tidak hanya mempunyai kemahiran dalam mengajar tetapi juga beliau mahir dalam pembuatan alat Muzik Tradisional Kelantan dan ensemble seperti Wayang Kulit Kelantan, Makyung, Dikir Barat, Rebana Ubi, Silat, Main Petri dan Tok Selampit.

PENCAPAIAN

Beliau juga pernah dijemput untuk membuat persembahan di luar negara seperti di China, Korea, Sepanyol, Indonesia, Kemboja, Vietnam, Filipina, Amerika Syarikat, Singapura, Geneva, Japan, Italy, Kanada, Jerman, Brazil, London, India, Thailand, Argentina, Tahiti, Chile, Fiji, Lubnan, Turki, Australia dan banyak lagi.

Pak Nasir yang kini menjadi Pensyarah dan Adiguru Wayang Kulit di Akademi Seni BUdaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menyatakan bahawa muzik tradisional adalah hak dan jati diri kita oleh itu beliau giat dalam memberikan tunjuk ajar dan latihan kepada para pelajarnya secara teori dan praktikal.